



# POS MALAYSIA & SERVICES HOLDINGS BERHAD (PSH) CATAT UNTUNG BERSIH TEMPOH BERAKHIR 30 JUN 2005

Langkah transformasi yang dilaksanakan oleh PSH telah menunjukkan tanda-tanda positif berdasarkan keputusan kewangan bagi setengah tahun pertama 2005. Perolehan kumpulan telah meningkat sebanyak 17% kepada RM393.6 juta dibandingkan dengan 336.1 juta tahun lepas.

Peningkatan perolehan ini telah diterjemahkan kepada keuntungan operasi yang lebih baik iaitu sebanyak RM38.2 juta dibandingkan dengan tempoh yang sama tahun lepas iaitu sebanyak RM35.4 juta. Sementara itu, keuntungan sebelum cukai telah meningkat lebih dari 50% kepada RM148.9 juta dari RM 61.3 juta. Keputusan ini adalah didorong oleh usaha berterusan Kumpulan dengan memberikan tumpuan kepada kecekapan operasi untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik serta meningkatkan produktiviti di semua peringkat. Hasil peningkatan mel sebanyak 5% iaitu 611 juta item tahun lepas kepada 642 juta item. Jumlah ini meningkat juga didorong kepada pelaksanaan pengelasan semula produk-produk mel.

Berita gembira buat kita semua warga kerja Pos Malaysia Berhad.

## VSS UNTUK BANTU SYARIKAT DAN WARGAKERJA MAJU KE DEPAN

Pos Malaysia Berhad mula melaksanakan Skim Pelepasan Sukarela (VSS) yang ditawarkan kepada semua warga kerja yang layak dari 1 September 2005 sehingga 18 September 2005. Penerimaan Skim Pelepasan Sukarela (VSS) ini adalah secara sukarela.

Matlamat-matlamat utama pelaksanaan Skim Pelepasan Sukarela (VSS) ini ialah:-

- i) Untuk meningkatkan tahap keberkesanan operasi agar Pos Malaysia Berhad menjadi lebih berdaya saing, dan;
- ii) Untuk memberi peluang alternatif kepada warga kerja untuk menilai dan memilih sendiri samada untuk terus bekerja dengan syarikat atau memberhentikan perkhidmatan mereka untuk mengejar impian yang lain.

Sebarang pertanyaan boleh berhubung kepada Sekretariat "SPSS" ditalian 03-22756649/6653/6502 atau email personnel\_vss@pos.com.my

Selamat Maju Jaya kepada Syarikat, Warga Pos yang masih kekal dan yang telah mendapat tawaran VSS.

### SUATU PERJUANGAN

Umpama padi kekuningan  
 Di lembah danau  
 Ketika itu  
 Pintu diketuk

Arus perjuangan  
 Disemalkan  
 Dicaikan  
 Demi kekuatan  
 Semangat  
 Penuh keyakinan

Mencari sesuatu nasi  
 Untuk mengisi perut  
 Hasilnya membuahkan  
 Perjuangan yang kental  
 Akhirnya sejarah  
 Jasa-jasanya tetap dikenang

A. Halim bin Hj. Ab. Rani  
 Biro Filateli, Ibu Pejabat Pos Malaysia

### KITA ADALAH WARGA POS MALAYSIA

Assalamualaikum...  
 Selamat pagi...  
 Selamat tengahari...  
 Selamat petang...  
 Boleh saya bantu...

Adalah rutin harian kita  
 Tidak kira  
 Aku adalah seorang Eksekutif  
 Dia adalah seorang Kerani  
 Mahupun kami adalah Operator Mel  
 Dengan semangat  
 Dengan senyuman  
 Penuh keceriaan  
 Kita menyambut dan melayan pelanggan  
 Dengan penuh hormat  
 Seperti yang kita amalkan  
 NILAI TERAS (PAKSI)  
 Kerana  
 KITA ADALAH WARGA POS MALAYSIA

Mokshan Dompok  
 Kota Kinabalu, Sabah

### KRISIS GERIMIS

Krisis  
 Tiada siapa yang menyangka  
 Permulaan dakwat hitam  
 Titikan gerimis satu persatu  
 Kecil dan semakin besar  
 Merebak dan menjadi barah

Krisis  
 Titikan bukan sendiri  
 Titikan datang bersama-sama  
 Bergandingan dan teguh  
 Mengapi-apikan titikan gerimis  
 Mengubah pendirian  
 Sakit dan terus berdenyut  
 Menanti peluang keemasan

Krisis  
 Bukan cara pembalasan  
 Dendam yang tiada kesudahan  
 Terus terang landasan lurus  
 Buah bicara tumbuh kekusutan  
 Islam ajaran sempurna  
 Ilmu penentu arah tuju  
 Sederhana penyejuk kalbu

Krisis  
 Buang titik yang keruh berlumpur  
 Ambil yang jernih berembun  
 Pinta kemalangan takkan berulang  
 Melayapkan kebutuhan  
 Memadamkan kemarahan api  
 Punah segala titik hitam

Krisis  
 Yang bergandingan berliku pergi  
 Malu terlanjur segala  
 Gerimis yang tinggal ketakutan  
 Menanti apa berlaku kemudian  
 Entah putih entah hitam  
 Dikejari bayang-bayang silam dan hilang

Norafizah Bt. Kamarudin  
 Pembantu Pegawai Pos  
 Pusat Poslaju Nilai, NS

### PESAN SEORANG TEMAN

Moga sejahtera untuk mu teman  
 Agar kau tenteram dan senang  
 Untuk terus berladang disini  
 Kerana kau nanti bakal tahu  
 Apa ertinya mencari sesuatu nasi disini  
 Sambil menahan telinga mendengar fitnah  
 Dan umpat keji yang melata  
 Sambil terus-terusan melihat tikam menikam  
 Dari belakang  
 Sambil menjadi saksi cerita kecil menjadi gergasi  
 Maka nasihat ku  
 Pandailah kau membawa diri  
 Tetapkan niat dan bulatkan hati  
 Dalam tekad mencari rezeki  
 Kerana kalau kau tahu hempodu itu pahit  
 Takkan pernah untuk kau sanggup menelannya  
 Tapi yang pahit jangan terus dibuang  
 Dan madu yang manis jangan terus kau telan  
 Bersabarlah menabur bakti dalam kelompok  
 Bangsa yang tak pernah berubah.

Zaiful ZnPutra  
 Csc Subang Jaya

### isi kandungan

**BERITA SEMASA**  
 • POS MALAYSIA & SERVICES HOLDINGS BERHAD (PSH) CATAT UNTUNG BERSIH TEMPOH BERAKHIR 30 JUN 2005  
 • VSS UNTUK BANTU SYARIKAT DAN WARGANYA MAJU KE DEPAN

**SUDUT POS IBU PEJABAT**  
 • KELAHIRAN PUSAT DATAPOS KEDUA TEPAT PADA MASANYA  
 • PERARAKAN MERDEKA SEMARAKAN SEMANGAT CINTA KEPADA NEGARA  
 • PENYERAHAN NST PAPERS TO SEK MEN BESERAH OLEH TAN SRI ( 12/9/05)  
 • HARI POS SEDUNIA RAI TITIK PELUH WARGA POS SELURUH DUNIA  
 • MAJLIS KESYUKURAN POSLAJU ( 3/9/05)  
 • PROGRAM SINGGAH SAHUR TV3 BERSAMA WARGA KERJA POSMEL  
 • MAJLIS BERBUKA PUASA JAPENI IBU PEJABAT

**SELANGOR**  
 • TAKLIMAT MENGENAI PENGKELASAN SEMULA MEL  
 • PROGRAM PENGUKUHAN BUDAYA KERJA CEMERLANG

**JOHOR**  
 • MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN POS MALAYSIA JOHOR

**KEDAH/PERLIS**  
 • PERARAKAN PENUTUPAN BULAN KEMERDEKAAN

**TERENGGANU / PULAU PINANG**  
 HARI KELUARGA

**PAHANG**  
 • SUMBANGAN IKHLAS

**SABAH**  
 • PEJABAT POS TERBESAR TERIMA KUNJUNGAN PELAJAR  
 • KERJASAMA PEJABAT POS TAMPARULI DENGAN KURNIA INSURAN

**SARAWAK**  
 • GAWAI NITE  
 • KEMPEN MERDEKA POSLAJU KUCHING BERSAMA MEDIA

**SUDUT SETEM & FILATELI**  
 • KEKEMILANGAN MALAY COLLEGE KUALA KANGSA (MCKK)  
 • KUNLIKAN REPTILIA YANG JARANG DIDAPATI DI NEGARA INI  
 • PELANCARAN SETEM SEMPERA HARI POS SEDUNIA  
 • PROMOSI FILATELI OLEH POS MALAYSIA SELANGOR

**SUDUT INFO**  
 • KAD PERAYAAN DEEPAVALI DAN HARI RAYA MULA DI POS KAN

**BERITA WARGA POS**  
 • KELAHIRAN BARU!  
 • TERIMA KASIH - PERSARAAN PUAN SAROJINI DAVIES

**SUDUT SENI**  
 • SUATU PERJUANGAN  
 • KITA ADALAH WARGA POS MALAYSIA  
 • KRISIS GERIMIS  
 • PESAN SEORANG TEMAN

### sidang pegarang

**PENASIHAT**  
 Dato' Ikmal Hijaz Hashim

**PENGARANG**  
 Rohaiza Hashim

**PENOLONG PENGARANG**  
 Mahfidz Haji Omar (MBO)

**PENYUMBANG**  
 A. Halim bin Hj. Ab. Rani, Biro Filateli, Ibu Pejabat Pos Malaysia  
 Mokshan Dompok, Kota Kinabalu, Sabah  
 Norafizah Bt. Kamarudin, Pusat Poslaju Nilai, NS  
 Zaiful ZnPutra, Csc Subang Jaya

**SUDUT SENI & SURAT KEPADA PENGARANG**  
 Semua warga Pos Malaysia Berhad adalah dijemput untuk menyumbang berita, rencana, aktiviti bahagian/Negeri dan maklumat lain untuk dimuatkan di dalam PosNet. Semua sumbangan boleh dihantar kepada:

**Sidang Pengarang PosNet**  
 Bahagian Komunikasi Korporat  
 Pos Malaysia Berhad, Ibu Pejabat  
 Tingkat 34, Menara Dayabumi  
 Jalan Sultan Hishamuddin, 50050 Kuala Lumpur  
 Tel : 03 - 2267 2012  
 Faks : 03 - 2274 5951  
 E-mel : corppcomm@pos.com.my

### lidah pengarang

Salam sejahtera dan berjumpa lagi pada edisi ke 6 keluaran September – Oktober pada kali ini.

Posnet keluaran kali ini sudah tentu memfokuskan kepada kejayaan syarikat induk PSH keatas perolehan kumpulan mencapai kepada RM 393.6 juta berbanding RM 336.1 juta tahun lepas untuk tahun berakhir 30 Jun 2005. Peningkatan sebanyak 17% ini dianggap sebagai tanda positif dan berita gembira terhadap syarikat-syarikat naungannya.

Kesan terhadap memberi tumpuan kecekapan operasi dan peningkatan produktiviti disemua peringkat telah menyumbang kepada peningkatan hasil dan keuntungan operasi berjumlah RM 38.2 juta untuk setengah tahun ini. Ini jelas terbukti apabila peningkatan sebanyak 642 juta item mel hasil daripada dorongan dan pelaksanaan pengelasan semula produk-produk mel. Syabas juga diucapkan kepada semua warga kerja PMB yang telah menyambut Hari Kemerdekaan yang ke 46 serta berusaha mendekati PMB bersama pelanggan dalam pelbagai aktiviti sempena Hari Pos Sedunia 2005.

Kesempatan ini juga Posnet ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Deepavali dan Hari Raya Aidilfitri. Semoga kita kini bersedia berkhidmat dengan semangat yang lebih tinggi demi untuk kejayaan Pos Malaysia Berhad.

Terima kasih dan jumpa lagi!

### sudut info

#### KAD PERAYAAN DEEPAVALI DAN HARI RAYA MULA DI POS KAN PENGEPOSAN KAD-KAD PERAYAAN

Kad perayaan akan mula diposkan oeh pelanggan bersempena dengan sesuatu perayaan yang dirayakan di negara Malaysia ini.

Kad Perayaan telah diklasifikasikan samada sebagai Surat Standard atau Surat Bukan Standard.

Bersempena dengan pengecualian yang telah diberikan pada bulan Mei 2005, garis panduan untuk Surat Standard ialah:

Berat	50 gm atau kurang
Saiz	Minima : 90mm x 140mm Maksima : 165mm x 250mm
Ketebalan	Minima : 0.25 mm Maksima : 6.00 mm

\* Kad Hari Perayaan yang tidak menepati garis panduan di atas akan dianggap sebagai Surat Bukan Standard.

Untuk kemudahan rujukan anda, berikut adalah kadar tersebut:

KLASIFIKASI	KADAR	
	KADAR	KADAR(RM)
Surat Standard	30 sen untuk 20gm & kebawah 40 sen 50 gm hingga 20gm	
Surat Bukan Standard	50 sen untuk 50gm & kebawah	

Untuk memastikan bahawa kad hari perayaan yang dihantar tiba pada waktunya, sila hantar kad anda sebelum tarikh berikut:

Deepavali : 26 Oktober 2005 (Rabu)  
 Hari Raya Aidil Fitri : 28 Oktober 2005 (Jumaat)

Untuk keterangan lanjut sila berjumpa dengan kakitangan kami atau hubungi **1-300-300-300**



# PSH UNTUNG TEMPOH 30 JUN 2005

## VSS UNTUK BANTU SYARIKAT DAN WARGANYA MAJU KE DEPAN



SETEM MCKK



KEUNIKAN REPTILIA YANG JARANG DIDAPATI DI NEGARA INI



MERDEKA PARADE





**IBU PEJABAT****KELAHIRAN PUSAT DATAPOS KEDUA TEPAT PADA MASANYA**

Datapos (M) Sdn. Bhd. menunjukkan komitmen berterusannya untuk mempertingkatkan mutu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan kepada pelanggannya dengan melancarkan Pusat Datapos yang kedua yang bernilai RM1 juta pada 26 Ogos 2005, (Jumaat).


Pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Pengerusi Pos Malaysia & Services Holdings Berhad YBhg. Tan Sri Adam Kadir.

Dengan adanya satu pusat sehenti yang dilengkapi dengan peralatan-peralatan pengurusan mel yang canggih ini, maka Datapos dapat mempertingkatkan lagi keupayaan pengeluaran yang stabil, prosedur keselamatan data yang ketat dan jaminan penghantaran yang lebih baik.


Sejak memulakan perniagaannya pada tahun 1995 selaras dengan langkah Pos Malaysia Berhad untuk menyediakan satu penyelesaian menyeluruh kepada pelanggan-pelanggan korporatnya, Datapos kini telah beroperasi di dua buah kilang, satu untuk edaran mel dan satu lagi khusus untuk pembungkusan plastic produk-produk mel dan ketika ini Datapos mempunyai keupayaan seramai lebih kurang 185 orang pekerja.

*Syabas Datapos!***PERARAKAN MERDEKA SEMARAKAN SEMANGAT CINTA KEPADA NEGARA**


Seramai 90 orang warga Pos terdiri dari pekerja kumpulan posmen, perkeranian dan Penolong Eksekutif peringkat Ibu Pejabat dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menyertai perarakan Hari Kemerdekaan yang ke 46 peringkat Nasional yang diadakan di Putrajaya 31 Ogos 2005. Tema perarakan pada tahun ini ialah " KESENIAN DAN PENDIDIKAN". Sesungguhnya warga pos telah menampilkan semangat patriotik dan semangat berpasukan sepanjang latihan dan hari yang bersejarah itu.

*Perarakan juga motivasi kepada wargakerja lebih berdisiplin...***POS MALAYSIA BERHAD MENAJA AKHBAR NST KEPADA SEK MEN KEB. BESERAH**


Pos Malaysia Berhad telah menzahirkan komitmennya untuk membantu pelajar-pelajar menguasai Bahasa Inggeris. Sekolah Menengah Kebangsaan Berserah merupakan sekolah yang dijadikan 'anak angkat' untuk penajaan akhbar berbahasa Inggeris NST. Majlis penyerahan telah dilaksanakan oleh Pengerusi Pos Malaysia & Services Holdings Berhad pada 12 September 2005. Sebuah lagi sekolah yang dijadikan anak angkat dan menerima tajaan akhbar ini ialah Sekolah Tengku Mahmud Iskandar, Sungai Mafi, Muar Johor. Usaha murni Pos Malaysia ini akan dapat membantu pelajar-pelajar mendapat peluang mempelajari, memperbaiki serta menambah kemahiran dalam penguasaan Bahasa Inggeris.

*Apa lagi kalau bukan membantu generasi kita... Pos Malaysia ucap Selamat berjaya kepada pelajar-pelajar...***HARI POS SEDUNIA RAI TITIK PELUH WARGA POS SELURUH DUNIA**

Tarikh 9 Oktober pada setiap tahun merupakan Hari Pos Sedunia. Warga Pos seluruh dunia termasuk negara kita diberi penghormatan untuk merayakan hari yang bermakna ini. Kesatuan Pos Sedunia (UPU) telah menetapkan tema untuk sambutan iaitu " Reaching Everyone, Everywhere " untuk seluruh warga pos di dunia ini. Pos Malaysia Berhad tidak ketinggalan meraikannya pada tahun ini. Pelbagai aktiviti-aktiviti bersama pelanggan diadakan diperingkat Ibu Pejabat dan Pejabat-pejabat Pos Besar dinegeri-negeri. Antaranya pertandingan mengisih surat, teka bilangan setem, pelanggan 'top ten admail', teka berat bungkusan dan banyak lagi...

*Hari yang bermakna untuk kita wahai... Pos Malaysia!***MAJLIS KESYUKURAN POSLAJU**


Ibu Poslaju di Jalan Tun Sambathan Kuala Lumpur telah mengadakan majlis kesyukuran sempena dengan kejayaan salah sebuah Unit utama didalam syarikat Pos Malaysia Berhad. Majlis sungguh bermakna dengan kehadiran Pengerusi PSH, Tan Sri Adam Kadir yang sempat memberi amanat kepada warga kerja Poslaju bersempena dengan majlis yang mulia ini.

*Sama-sama bersyukur keatas kerahmatanNya***Selangor****TAKLIMAT MENGENAI PENKELASAN SEMULA MEL**

Bahagian Operasi Mel dengan kerjasama Bahagian Khidmat Pelanggan Selangor telah mengadakan taklimat khas kepada beberapa syarikat swasta dan kerajaan di Negeri Selangor. Taklimat kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Sunway City telah diadakan di bilik mesyuarat Pejabat Pengurusan Negeri Selangor. Selain itu, taklimat yang sama juga telah diadakan untuk The One Academy, Pelating Jaya pada 14 Julai 2005 bertempat di kolej berkenaan yang telah dihadiri oleh tenaga pengajar dan pihak pengurusan kolej.

*Bagus tu...mendekatkan dan menyelesaikan masalah bersama pelanggan.***Terengganu / Pulau Pinang HARI KELUARGA**

Dalam mendekati silaturrahim antara pihak pengurusan dan dan wargakerja, Pengurusan Pos Malaysia di negeri-negeri telah mengambil inisiatif dengan mengadakan Hari Keluarga 2005. Pos Malaysia Terengganu meraikannya pada 6 Ogos 2005 di Taman Rekreasi Pantai Merang, Setiu. Manakala Pos Malaysia Pulau Pinang pula pada 25 September 2005 di Taman Robina, Butterworth.

*Program ukhwh untuk wargakerja yang jauh kita dekatkan.***PROGRAM PENGUKUHAN BUDAYA KERJA CEMERLANG**

Satu program pengukuhan budaya kerja cemerlang telah diadakan di Sungai Nibong, Sekinchan pada 30 Jun 2005. Program ini telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Penerapan Nilai-nilai Islam ( JAPENI) dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Islam Pos Selangor (PKIP). Objektif utama program ini adalah untuk mengukuhkan lagi budaya kerja yang lebih cemerlang di samping memberi peringatan kepada isu-isu pematuhan prosedur kerja. Program ini turut melibatkan semua pegawai kanan Pos Malaysia Selangor dan pengurus-pengurus cawangan serta warga pos Daerah Kuala Selangor.

*Satu program peningkatan budaya kerja untuk Selangor Maju 2005***Johor****MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN POS MALAYSIA JOHOR**

Pembayaran zakat perniagaan Pos Malaysia Johor tahun kewangan 1425H/2004 telah disempurnakan oleh Pengurus Negeri, Encik Shahri bin Jikin. Majlis telah diadakan di Bilik Gerakan Tun Abdul Razak, Bangunan Sultan Ibrahim pada 14 September 2005. YAB Menteri Besar Johor Dato' Haji Abdul Ghani bin Othman telah bersetuju menerima pembayaran zakat perniagaan berjumlah RM 37,887.00 bagi pihak Majlis Agama Islam Johor.

*Zakat menyucikan jiwa kita...***Sabah****PEJABAT POS BESAR TERIMA KUNJUNGAN PELAJAR**

Lawatan sambil belajar dari SJKC Luk Yuk Likas, Sabah ke Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu telahpun berlangsung pada 9 September 2005. Lawatan ini lebih kepada memberi peluang pelajar-pelajar memahami perjalanan operasi mel dan perkhidmatan kaunter.

**KERJASAMA PEJABAT POS TAMPARULI DENGAN KURNIA INSURAN**

Melihat kepada kesukaran untuk mendapat perkhidmatan Pos atas sebab-sebab kediaman yang jauh dan masa yang terhad, pihak Operasi Retail Pos Malaysia Sabah dan kakitangan Pejabat Pos Tamparuli dengan kerjasama Kurnia Insuran telah membuat program promosi Insuran Berjinjin dan JPJ pada 17 Ogos 2005. Selain dari meningkatkan transaksi kutipan agensi di kaunter, program ini memberi peluang pihak insuran mempromosikan insuran mereka dan memberi kemudahan pelanggan.

*Pos Malaysia tetap dihargai***Kedah / Perlis****PERARAKAN DAN PENUTUPAN BULAN KEMERDEKAAN**

Bulan Kemerdekaan 2005 telah dirancang oleh Kementerian Penerangan Malaysia bermula pada 15 Ogos hingga 16 September 2005. Warga kerja Pos Malaysia Kedah/Perlis telah mengambil peluang sempena bulan ini dengan menyertai perarakan Hari Kemerdekaan serta mengambil bahagian bersama-sama Jabatan-jabatan serta Agensi swasta untuk upacara penutupan peringkat nasional yang diadakan di Alor Setar Kedah. Ini satu penghormatan untuk penduduk negeri Kedah.

*Pengurusan negeri-negeri yang lain juga ada mengambil bahagian perarakan ini...**Laungkan semangat kemerdekaan, Semangat Patriotik... Merdeka! Merdeka! Merdeka!***Pahang****SUMBANGAN IKHSAN**

Pengurusan Pos Malaysia Pahang telah mengambil langkah keperihatinannya bersama warga kerja yang lain mengumpul kutipan dan menyerahkan kepada kakitangannya Puan Munah binti Akib yang menghidapi penyakit kanser.

*Hulurkan tangan, Ringankan Beban...***Sarawak****KEMPEN MERDEKA POSLAJU KUCHING BERSAMA MEDIA**


Dalam menjalani operasi harian, jangan lupa kepada pihak media. Hubungan harus disemai supaya mendapat kerjasama yang erat. Begitulah kepada Poslaju Kuching. Cawangan ini sungguh aktif menjalankan promosi serta menjaga hubungan dengan mana-mana pihak. Syabas! Kali ini sempena Hari Kemerdekaan yang ke 46, beberapa orang wargakerja Pos Laju Kuching telah berkunjung ke stesen National FM Kuching dan CAT FM dan menyumbang kek, sebagai menilai erti persahabatan dan kemerdekaan sebuah negara berdaulat. Kek tercatat " Merdeka Bersama Pos Laju Nasional Kurier" dan tol free "1-300-300-300.

*Poslaju memang laju...***GAWAI NITE**

Pada 1 Jun 2005, Pos Laju Kuching telah menganjurkan Majlis Makan Malam "Gawai Nite". Majlis ini adalah lebih kepada program berbentuk kebudayaan yang disertai oleh kakitangan Poslaju dari kaum Dayak. Majlis ini sungguh bermakna untuk mereka bermakna apabila kesudian Pengurus Negeri Sarawak, Encik Muhamad Mat Nor hadir bersama-sama meraikannya

**KELAHIRAN BARU!**

Nama : Mohamad Ikmal Fitri  
Tarikh Lahir : 10 Ogos 2005  
Tempat Lahir : Pusat Rawatan Islam Sdn. Bhd.  
Nama Ibu : Asmawati Haji Mohamed Ali  
Jawatan : Pem Hasil (LHDN)  
Bertugas : Lembaga Hasil Dalam Negeri  
Nama Bapa : Ayob Ramli  
Jawatan : Pen. Operator Mel  
Bertugas : Bhg. Komunikasi Korporat Ibu Pejabat



Nama : Tasneem Safiyya  
Tarikh Lahir : 10 Jun 2005  
Tempat Lahir : Hospital Selayang  
Nama Ibu : Siti Zubaidah awang Ali  
Jawatan : Pembantu Pegawai Pos  
Bertugas : Customer Service Centre  
Nama Bapa : Roki Asmadi Ahamad  
Jawatan : Technical Specialist  
Bertugas : Texas Instrument


**sudut setem & filateli****KEGEMILANGAN MALAY COLLEGE KUALA KANGSAR (MCKK)**

MCKK merupakan sebuah sekolah yang terulung dan berasrama penuh yang pertama di Malaysia. MCKK ditubuhkan pada tahun 1905 untuk mendidik golongan elit Melayu. Ramai orang kenamaan seperti Yang Di-Pertuan Agong, Sultan, Perdana Menteri, Menteri, pegawai-pegawai kanan kerajaan dan golongan terkenal di sektor swasta merupakan kelahiran MCKK.

Yang Di-Pertuan Agong telah mengistiharkan MCKK sebagai Warisan Negara semasa sambutan ulang tahun ke-100 MCKK yang berlangsung pada 26 Mac 2005.

Setem dan Sampul Surat Hari Pertama Pos Malaysia Berhad yang merayakan ulang tahun tersebut telah dirasmikan oleh DYMM Sultan Perak, iaitu Sultan Azlan Muhibuddin Shah Ibi Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-lah di MCKK pada 30 Ogos 2005, Selasa.

Setem-setem memaparkan Big School (Sekolah Besar), Prep School (Sekolah Persediaan) dan Big Tree (Pokok Besar) yang telah meninggalkan kenangan manis di dalam hati setiap bekas pelajar MCKK.

**SETEM LAYANG-LAYANG TRADISIONAL SEMPENA HARI POS SEDUNIA**

Bersempena dengan Hari Pos Sedunia, Pos Malaysia Berhad melalui Bahagian Setem dan Filateli telah mengeluarkan Setem dan Sampul Surat Hari Pertama siri yang ke 14/2005 berjudul " Layang-layang Tradisional"

Sesuai dengan tema Hari Pos Sedunia pada tahun ini " Reaching Everyone, Everywhere", adalah menjadi kebanggan buat Pos Malaysia untuk mengabadikan koleksi Layang-layang tradisional dalam bentuk setem.

**KEUNIKAN REPTILIA YANG JARANG DIDAPATI DI NEGARA INI**

28 September 2005 - Bahagian Setem dan Filateli, Pos Malaysia Berhad telah mengeluarkan setem dan Sampul Surat Hari Pertama khas berjudul "Reptilia Yang Jarang-jarang Terdapat di Malaysia"

Keluaran ini merupakan siri keluaran filateli yang ke 13 pada tahun 2005 dalam kategori koleksi keluaran Flora dan Fauna.

**TERIMA KASIH - PERSARAAN PUAN SAROJINI DAVIES**

Subang Jaya : Tarikh 28 Ogos 2005 telah melakar sejarah tersendiri apabila telah berlangsungnya majlis persaraan Puan Sarojini Davies, yang telah menamatkan tempoh perkhidmatannya sebagai Timbalan Pengurus Besar Pusat Khidmat Pelanggan Subang Jaya setelah berkhidmat selama hampir 30 tahun. Bertempat di Temp Restaurant, Hotel Renaissance Kuala Lumpur, majlis ini turut dihadiri oleh Pengurus Besar Dokumentasi, Puan Habibah Hassan.




Sebelum itu, satu majlis berasingan telah diadakan di Pusat Khidmat Pelanggan (PKP) Subang Jaya dan telah dihadiri oleh seluruh warga Pusat Khidmat Pelanggan Subang Jaya.

Persaraan beliau amat dirasai oleh seluruh kerabat kerja PKP khususnya dan warga Pos Malaysia amnya, memandangkan beliau merupakan seorang yang berdedikasi dan memiliki daya kepimpinan yang sangat tinggi.

Sesungguhnya persaraan beliau adalah satu kehilangan besar kepada PSH dan PMB. Segala jasa, khidmat cemerlang dan sumbangan beliau yang membanggakan di PSH dan PMB sememangnya amat disanjung tinggi.

Warga Pusat Khidmat Pelanggan Subang Jaya ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada beliau di atas segala jasa, khidmat cemerlang serta sumbangan beliau di Pusat Khidmat Pelanggan Subang Jaya serta mendoakan beliau dan keluarga akan sentiasa dianugerahkan kesihatan dan kesejahteraan di hari-hari yang mendatang.

**PROMOSI FILATELI OLEH POS MALAYSIA SELANGOR**

Bahagian Khidmat Pelanggan dan Pemasaran Selangor telah mengadakan promosi pos di sekitar negeri khususnya di kolej, sekolah, pusat membeli-belah, kelab dan lokasi-lokasi strategik lain. Promosi ini juga memberi peluang kepada pelajar dan orang ramai dalam mempelajari dan memahami era pembangunan serta sejarah negara melalui setem. Tidak ketinggalan terdapatnya promosi membuka Akaun Pesanan Tetap atau Standing Order Deposit Account (SODA) Selangor. Setakat ini, jumlah ahli Kelab SODA telah meningkat sehingga 6490 orang sekaligus menjadikannya jumlah yang tertinggi berbanding negeri – negeri lain.

Satu pencapaian yang boleh dibanggakan!!!

